

17/11/1997

Usah kkuatir ancaman asing

PASIR MAS, Ahad - Rakyat tidak perlu gusar atau bimbang dengan ancaman kuasa besar seperti Amerika Syarikat (AS) yang mengenakan tekanan terhadap negara kecil seperti Malaysia.

Sebaliknya, rakyat harus bertenang dan berdiri teguh di belakang pucuk pimpinan negara dengan memberi sokongan padu dalam menangani masalah yang dihadapi.

Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Suleiman Mohamed, berkata beberapa langkah tertentu dilakukan secara bijaksana bagi menyatakan sokongan padu kepada pucuk pimpinan.

Ia sekali gus menjelaskan kepada Amerika betapa rakyat Malaysia supaya tidak gentar dengan ancaman atau ugutan mereka hendak menjatuhkan negara.

Menurutnya, kuasa besar itu tidak mempunyai hak sama sekali untuk campurtangan kerana sistem demokrasi yang menjadi amalan di Malaysia menentukan kedudukan dan jatuh bangun seseorang pemimpin.

"Mereka (AS) tiada hak mencampuri urusan negara kita. Ini kerana setiap kedudukan dan perjalanan pemimpin kita ditentukan oleh rakyat melalui pilihan raya.

"Soal kedudukan Perdana Menteri, ia ditentukan oleh rakyat Malaysia. Soal orang luar hendak menentukan nasib kita, hendak menentukan kepemimpinan kita, itu bukan hak dia.

"Kita boleh bersatu dan menentang Amerika kalau kita bersatu padu," katanya selepas majlis perasmian penutup Seminar Kepemimpinan dan Pentadbiran Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Titiwangsa dan Jabatan Penerangan Malaysia yang berlangsung di Kem Danau To Uban, dekat sini semalam.

Beliau mengulas usul sekumpulan ahli Kongres AS mendesak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memohon maaf dan meletakkan jawatan kerana didakwa anti-Yahudi.

Suleiman yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan berkata, AS kini cuba melakukan pelbagai kaedah dan cara bagi menjatuhkan kepemimpinan negara.

"Mereka mengangap Malaysia bukan negara kecil dan mempunyai kuasa yang boleh mempengaruhi bukan hanya negara di rantau Asia malah sehingga ke negara dunia ketiga.

"Kerana itu ahli Kongres ini nampak kelam kabut dan tidak akan `usik' kita jika kita tidak mempunyai kekuatan," katanya.

(END)